

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAH DI INTERNATIONAL SPACE STATION, ISS (STESEN ANGKASA LEPAS)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke-76
21-23 November 2006

TUJUAN

Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah di *International Space Station, ISS* (Stesen Angkasa Antarabangsa) ini disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk dijadikan rujukan kepada angkasawan Islam berkenaan pelaksanaan ibadah di ISS. Dengan adanya garis panduan ini, diharapkan angkasawan Islam dapat memberikan sepenuh tumpuan terhadap penyelidikan di angkasa di samping menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang Islam dengan lancar. Selain itu, ia juga memberikan panduan kepentingan penjagaan *al-maqasid al-syariah* dalam apa juu keadaan.

PENDAHULUAN

1. Isu pelaksanaan ibadah di angkasa berbangkit dengan pengumuman kerajaan pada Jun 2003 untuk menghantar angkasawan ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).
2. Pelbagai pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh ahli akademik berkenaan isu ini memandangkan berkemungkinan angkasawan yang akan dihantar ke ISS adalah orang Islam.
3. Cara beristinjak, menentukan waktu solat, menentukan qiblat, menunaikan solat, menentukan waktu puasa, menguruskan jenazah dan sebagainya telah membangkitkan pelbagai persoalan dalam kalangan masyarakat.
4. Sehubungan itu, satu Seminar Islam dan Kehidupan di Angkasa telah dianjurkan oleh Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 25-26 April 2006 bagi tujuan mengenal pasti isu pelaksanaan ibadah di angkasa dan ISS menurut perspektif Islam dan seterusnya mencari penyelesaian bagi isu-isu tersebut.

PELAKSANAAN IBADAH DI ISS

Pelaksanaan ibadah di ISS merangkumi perkara berikut:

1. Cara Beristinjak

Beristinjak adalah dengan menggunakan tisu yang diguna pakai di ISS. Syarat-syarat beristinjak seperti berikut:

- i. Bahan yang digunakan untuk beristinjak sesuatu yang suci, bukan najis dan bukan bahan yang dihormati.
- ii. Bahan yang kering.
- iii. Bahan yang kesat.
- iv. Bahan yang digunakan tidak kurang daripada tiga seperti tiga biji batu.
- v. Najis yang keluar belum kering.
- vi. Najis yang keluar tidak melewati kawasan laluannya.

2. Mengangkat Hadas

- i. Mengangkat Hadas Kecil

Mengangkat hadas kecil adalah dengan bertayammum secara menepuk ISS seperti dinding, cermin dan sebagainya (walaupun tiada debu)

- ii. Mengangkat Hadas Besar

Mengangkat hadas besar adalah dengan cara yang sama di Para 2 (i).

3. Penentuan Qiblat

Penentuan qiblat adalah mengikut kemampuan berdasarkan urutan berikut:

- i. Kaabah
- ii. Unjuran Kaabah
- iii. Bumi
- iv. Mana-mana arah

4. Penentuan Waktu Solat

Lima waktu solat dalam tempoh 24 jam (1 hari di bumi) menggunakan pakai waktu solat tempat berlepas¹ angkasawan.

5. Cara Menunaikan Solat

- i. Solat boleh ditunaikan secara jamak dan qasar dan tidak perlu diqada'.
- ii. Pelaksanaan rukun *fi'li* (perbuatan) solat adalah dengan mengikat diri angkasawan mengikut kesesuaian keadaan di ISS berdasarkan urutan berikut:
 - a) Jika tidak berupaya berdiri tegak, hendaklah berdiri secara membongkok.
 - b) Jika tidak berupaya berdiri, hendaklah secara duduk. Seseorang boleh melakukan rukuk dengan dahinya setentang lutut atau yang lebih utama setentang dengan tempat sujud.
 - c) Jika tidak berupaya duduk, hendaklah secara berbaring mengiring di atas lambung kanan dan bahagian tubuh menghadap kiblat.
 - d) Jika tidak berupaya baring, hendaklah secara menelentang.
 - e) Jika tidak berupaya menelentang, hendaklah secara isyarat mata bagi setiap pergerakan solat.
 - f) Jika tidak berupaya juga, hendaklah dengan hati iaitu menggambarkan dirinya berdiri, rukuk, sujud dan seterusnya.
- iii. Pelaksanaan rukun *qawli* (perkataan) solat adalah sama seperti di bumi.

6. Cara Menunaikan Puasa

- i. Puasa boleh ditunaikan sama ada di ISS atau di bumi secara qada' sekiranya melibatkan bulan Ramadhan.
- ii. Penentuan waktu puasa adalah menggunakan pakai waktu puasa tempat berlepas angkasawan.

¹ Dengan penyesuaian untuk kawasan melebihi latitud 45° Utara mengikut buku Kaedah Panduan Falak Syarie terbitan JAKIM.

7. Pengurusan Jenazah

- i. Jenazah perlu dibawa balik ke bumi untuk pengurusan seperti biasa.
- ii. Sekiranya jenazah tidak boleh dibawa balik, maka diharuskan menyemadikannya di angkasa dengan pengurusan jenazah secara ringkas.

HAL-HAL BERKAITAN

1. Pemakanan

Sekiranya makanan yang disediakan diragui halal, maka diharuskan memakannya sekadar mengalas lapar.

2. Etika Berpakaian

Angkasawan Islam perlu menjaga batasan auratnya iaitu:

- i. Aurat lelaki adalah di antara pusat dan lutut.
- ii. Aurat perempuan adalah selain muka dan dua tapak tangan.

3. Etika Bermusafir

- i. Perjalanan ke angkasa merupakan satu musafir yang diharuskan mengikut Islam.
- ii. Angkasawan perlu menghormati etika bermusafir iaitu:
 - a) Menjaga kelangsungan hubungan dengan Tuhan.
 - b) Menjaga keharmonian hubungan sesama makhluk.
 - c) Menjaga kelestarian alam sekitar.

PENUTUP

Adalah diharapkan Garis Panduan ini dapat dipatuhi oleh angkasawan Islam demi memastikan misi penyelidikan di angkasa berjaya di samping mendapat keredhaan Allah s.w.t. juga.

LAMPIRAN

DAFTAR ISTILAH

a) **Ibadah**

Ibadah yang dimaksudkan dalam garis panduan ini meliputi cara beristinjak, menentukan waktu solat, menentukan qiblat, menunaikan solat, menentukan waktu puasa, menguruskan jenazah dan sebagainya.

b) **Angkasa**

Udara, langit, angkasa lepas bermaksud ruang di luar lapisan udara yang mengelilingi bumi.

c) **Al-Maqasid Al-Syariah**

Keutamaan syarak dalam menjaga kesucian agama, akal, nyawa, harta dan keturunan.

d) **Tayammum**

Perbuatan menyapu debu tanah yang suci pada muka dan dua tangan sebagai ganti wuduk kerana ketidaaan air atau halangan dalam penggunaan air.

e) **Halal**

Hukum yang membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (dalam Islam), dizinkan, dibenarkan.

f) **Aurat**

Bahagian tubuh yang wajib ditutup atau tidak boleh kelihatan (menurut hukum Islam)